# ANGKATUNJUK HARGA BARANG-BARANG PENGGUNA UNTUK SARAWAK

# *CONSUMER PRICE INDEX FOR SARAWAK*

DISEMBER, 1976

**JABATAN PERANGKAAN**
*DEPARTMENT OF STATISTICS*
**MALAYSIA**
**KUALA LUMPUR**

**1HB., MAC, 1977.**

**HARGA:**
*PRICE:* **$2.00**

## ANGKATUNJUK HARGA PENGGUNA BAGI SARAWAK – DISEMBER 1976

### Angkatunjuk Harga Pengguna – Disember 1976

Angkatunjuk Harga Pengguna (A.H.P.) bagi Sarawak mencatitkan pertambahan sut sebanyak 0.9 mata atau 0.6 peratus dalam bulan Disember 1976. Ia mencapai paras 141.8 pada bulan ini. Pertambahan ini sebahagian besarnya adalah disebabkan pertambahan dalam angkatunjuk makanan yang mana adalah 1.3 peratus lebih tinggi dalam bulan Disember. Pertambahan-pertambahan sut dicatit oleh angkatunjuk-angkatunjuk kumpulan kecil untuk minuman dan tembakau (0.2 peratus); perabut, hiasan rumah, perkakas dan kegiatan isirumah (0.3 peratus); rawatan perubatan dan perbelanjaan kesihatan (0.4 peratus); pengangkutan dan perhubungan (0.1 peratus); dan pelbagai barang-barang dan perkhidmatan (0.1 peratus). Angkatunjuk kumpulan kecil bagi pakaian dan kasut jatuh sebanyak 0.1 peratus manakala angkatunjuk-angkatunjuk kumpulan kecil bagi sewa kasar, bahan api dan kuasa; dan permainan, hiburan, pelajaran dan perkhidmatan kebudayaan tidak berubah.

Dalam kumpulan makanan, sumbangan signifikan dibuat oleh tiga angkatunjuk kumpulan kecil, iaitu, ikan; buah-buahan dan sayur-sayuran; dan kopi dan teh. Masing-masing angkatunjuk ini adalah lebih tinggi sebanyak 2.1 peratus, 3.8 peratus dan 8.9 peratus. Udang segar, sotong, ikan segar dan sayur-sayuran segar adalah lebih mahal disebabkan kekurangan bekalan semasa musim hujan. Harga serbuk kopi adalah juga lebih tinggi pada bulan dalam kajian.

### Angkatunjuk Harga Pengguna – 1976

Selepas pertambahan yang tajam dalam harga-harga pengguna diantara tahun 1973 dan 1974, kadar pertambahan dalam harga-harga pengguna, sebagaimana yang ditunjukkan oleh A.H.P., mencatitkan kemerosotan signifikan kepada 5.5 peratus dalam tahun 1975. Terdapat kemerosotan lagi apabila kadar pertambahan ialah 4.2 peratus dalam tahun 1976 (Lihat Carta 1). Kadar pertambahan yang lebih lembab pada A.H.P. dalam tahun 1976 adalah disebabkan kadar pertambahan yang lebih rendah dalam angkatunjuk-angkatunjuk bukan makanan dan perkhidmatan walaupun angkatunjuk makanan mencatitkan kadar pertambahan yang lebih tinggi sedikit.

Bertentangan dengan kelembapan dalam kadar pertambahan harga-harga makanan di Semenanjung Malaysia, Sarawak mencatitkan kadar pertambahan yang lebih tinggi dalam harga-harga makanan pada tahun 1976 berbanding dengan tahun 1975. Kadar itu ialah 4.2 peratus pada tahun 1975 manakala pertambahan pada tahun 1976 ialah 4.9 peratus. (Lihat Carta 2).

Dalam angkatunjuk makanan pertambahan-pertambahan signifikan dicatit oleh angkatunjuk-angkatunjuk kumpulan kecil bagi beras, roti dan lain-lain bijian (5.0 peratus); ikan (8.6 peratus); buah-buahan dan sayur-sayuran (6.8 peratus); dan kopi dan teh (21.3 peratus). Angkatunjuk kumpulan kecil bagi beras, roti dan lain-lain bijian meningkat pada awal tahun kepada paras 164.1 dalam bulan Februari selepas mana ia menjadi stabil dalam lingkungan 159.0 sepanjang tahun itu (Lihat Carta 4). Harga beras tempatan telah naik pada dua bulan pertama tahun itu disebabkan kekurangan bekalan, dan juga kerana harga impot beras Cina yang lebih tinggi.

Pertambahan dalam angkatunjuk kumpulan kecil bagi ikan yang bermula pada bahagian terakhir tahun 1975 berterusan hingga awal tahun 1976 dan mencapai kemuncak 195.4 dalam bulan Februari, selepas mana ia mula merosot sehingga sampai ke paras 175.9 dalam bulan Jun. Mulai bulan Julai ianya meningkat dan menjelang bulan Disember angkatunjuk itu berada pada 208.9. Keadaan turun naik ini membayangkan corak lazim harga ikan yang mana harganya tinggi pada awal dan penghujung tiap-tiap tahun apabila kekurangan bekalan berlaku disebabkan musim hujan (Lihat Carta 4).

Angkatunjuk kumpulan kecil bagi buah-buahan dan sayur-sayuran juga mengikuti corak yang serupa oleh kerana harga sayur-sayuran pada umumnya adalah lebih tinggi pada musim hujan. Kenaikan pesat harga sayur-sayuran dalam bulan Oktober 1975 berterusan hingga ke bulan Februari 1976 bilamana angkatunjuk itu mencatitkan paras 167.4. Harga itu jatuh dengan tajam dari bulan Mac hingga Mei selepas mana ianya menjadi stabil dalam lingkungan 150.6. Pada bulan Disember angkatunjuk itu sekali lagi meningkat sebanyak 5.7 mata kepada paras 155.2. (Lihat Carta 4).

Harga serbuk kopi telah juga naik dengan pesat sejak bulan April 1976. Diantara bulan Mac dan April angkatunjuk kumpulan kecil bagi kopi dan teh meningkat sebanyak 4.7 mata daripada 120.5 kepada 125.2. Menjelang bulan Disember angkatunjuk itu meningkat sebanyak 41.4 peratus kepada 177.0. Ketidakupayaan bekalan untuk menemui permintaan dunia bagi biji kopi telah mengakibatkan melambungnya harga serbuk kopi.

Manakala keempat-empat angkatunjuk kumpulan kecil tersebut di atas mencatitkan pertambahan yang banyak, angkatunjuk-angkatunjuk kumpulan kecil bagi gula, minyak dan lemak dan daging adalah sangat stabil, walaupun angkatunjuk bagi gula adalah 5.2 peratus lebih tinggi pada tahun 1976.

Berbanding dengan angkatunjuk makanan, keadaan turun naik dalam angkatunjuk bukan makanan adalah lebih sederhana (Lihat Carta 2). Pada purata angkatunjuk bukan makanan bertambah sebanyak 3.6 peratus di antara tahun 1975 dan 1976. Ini adalah jauh lebih rendah daripada 6.7 peratus yang dicatit dalam tahun 1975. Pertambahan ini adalah disebabkan terutamanya oleh pertambahan dalam harga minuman ringan, bir dan lain-lain minuman beralkohol, petrol, minyak api, motokar dan tayar basikal dan keluaran perubatan dan pharmaceutical. Tarif letrik yang lebih tinggi telah juga dikenakan oleh Perbadanan Perbekalan Letrik Sarawak (PPLS) mulai bulan Ogos 1976. Tambahan pula, harga petrol telah dinaikkan dalam bulan Julai.

Angkatunjuk kumpulan kecil bagi perkhidmatan telah juga menunjukkan aliran kemerosotan (Lihat Carta 2). Pada purata, kos perkhidmatan adalah 3.4 peratus lebih tinggi pada tahun 1976 berbanding dengan 6.5 peratus pada tahun 1975. Sepanjang tahun kos perkhidmatan adalah stabil. Dikalangan perkara-perkara perkhidmatan, yang paling penting ialah sewa, yang meningkat sebanyak 2.2 peratus dalam bulan Jun, 1976. Dikalangan perkara-perkara yang lain, bayaran untuk menggunting rambut dan mendandan rambut, makanan di restoran dan cafe, dan bilik hotel adalah juga lebih tinggi pada tahun 1976.

Pertambahan 4.2 peratus yang di catit oleh A.H.P. pada tahun 1976 adalah akibat perubahan dalam angkatunjuk-angkatunjuk kumpulan kecil. Sumbangan perubahan dalam angkatunjuk kumpulan kecil adalah bergantung kepada luasnya perubahan dan saiz wajar yang telah diuntukkan kepada angkatunjuk kumpulan kecil. Angkatunjuk-angkatunjuk kumpulan kecil bagi makanan dan sewa kasar, bahan api dan kuasa banyak menyumbang kepada pertambahan keseluruhan dalam A.H.P. Makanan menyumbangkan 55.4 peratus dan sewa kasar, bahan api dan kuasa 24.6 peratus. Ini adalah dua angkatunjuk yang mempunyai wajar terbesar. Dari sumbangan 55.4 peratus yang dibuat angkatunjuk makanan, angkatunjuk kumpulan kecil bagi beras, roti dan lain-lain bijian menyumbang (16.2 peratus); ikan (13.9 peratus); buah-buahan dan sayur-sayuran (11.3 peratus) dan kopi dan teh (9.4 peratus); (Lihat Jadual A dan Carta 5).

Pengelasan semula perkara-perkara kepada barang-barang kekal, separuh kekal dan tidak kekal, dan perkhidmatan menunjukkan bahawa harga barang-barang kekal dan tidak kekal meningkat masing-masing sebanyak 4.9 dan 4.8 peratus dalam tahun 1976. Bayaran perkhidmatan adalah 3.4 peratus lebih tinggi manakala barang-barang separuh kekal adalah 1.4 peratus lebih tinggi.

## *THE CONSUMER PRICE INDEX FOR SARAWAK – DECEMBER, 1976*

### *The Consumer Price Index – December 1976*

*The Consumer Price Index (C.P.I.) for Sarawak registered a marginal increase of 0.9 points or 0.6 per cent in December 1976. It attained a level of 141.8 in this month. This increase can be attributed very largely to the increase in the food index which was higher by 1.3 per cent in December. Marginal increases were recorded by the sub-group indices for beverages and tobacco (0.2 per cent); furniture, furnishings and household equipment and operation (0.3 per cent); medical care and health expenses (0.4 per cent); transport and communications (0.1 per cent); and miscellaneous goods and services (0.1 per cent). The sub-group index for clothing and footwear fell by 0.1 per cent while the sub-group indices for gross rent, fuel and power; and recreation, entertainment, education and cultural services were unchanged.*

*Within the food group, significant contributions were made by three sub-group indices, namely, fish; fruits and vegetables; and coffee and tea. These indices were higher by 2.1 per cent, 3.8 per cent and 8.9 per cent respectively. Fresh prawns, cuttlefish, fresh fish and fresh vegetables were dearer because of insufficient supply during the rainy season. The price of coffee powder was also higher in the month under review.*

### *The Consumer Price Index – 1976*

*After the sharp increase in consumer prices between 1973 and 1974, the rate of increase in consumer prices, as indicated by the C.P.I., declined significantly to 5.5 per cent in 1975. There was further slowing down in 1976 when the rate of increase was 4.2 per cent (See chart 1). This slower rate of increase in the C.P.I. in 1976 was due to the lower rate of increase in the non-food and services indices although the food index registered a marginally higher rate of increase.*

*In contrast to the slower rate of increase in food prices in Peninsular Malaysia, Sarawak registered a higher rate of increase in food prices in 1976 compared to 1975. The rate was 4.2 per cent in 1975 whereas it increased to 4.9 per cent in 1976 (See Chart 2).*

*Within the food index significant increases were recorded by the sub-group indices for rice, bread and other cereals (5.0 per cent); fish (8.6 per cent); fruits and vegetables (6.8 per cent); and coffee and tea (21.3 per cent). The sub-group index for rice, bread and other cereals rose in the beginning of the year to a level of 164.1 in February after which it stablished at around 159.0 for the rest of the year (See Chart 4). The price of local rice increased in the first two months of the year due to inadequate supplies, and also to higher import prices of China rice.*

*The increase in the sub-group index for fish which commenced in the later part of 1975 continued into early 1976 and attained a peak of 195.4 in February, after which it started to decline until it reached a level of 175.9 in June. From July onwards the movement has been upwards so that by December the index was 208.9. These fluctuations reflect the usual pattern of fish prices with prices at the beginning and the end of each year being high when there is a shortfall in supply as the rainy season sets in (See Chart 4).*

*The sub-group index for fruits and vegetables also follows a similar pattern as prices of vegetables are generally higher in the rainy season. The sharp increase in the price of vegetables in October 1975 continued into February 1976 when the index registered a level of 167.4. The price fell sharply from March to May after which the index stabilised at around 150.6. In December the index again jumped by 5.7 points to a level of 155.2 (See Chart 4).*

*The price of coffee powder has also increased steeply since April 1976. Between March and April, the sub-group index for coffee and tea moved up by 4.7 points from 120.5 to 125.2. By December the index had advanced by 41.4 per cent to 177.0. The inability of supply to meet the world demand for coffee beans has resulted in the soaring price of coffee powder.*

*While the four sub-group indices mentioned above have registeed large increases, the sub-group indices for sugar, oils and fats and meat have been very stable, although the index for sugar was higher by 5.2 per cent in 1976.*

*Compared to the food index, the month-to-month fluctuations in the non-food index have been more moderate (See Chart 2). On the average, the non-food index increased by 3.6 per cent between 1975 and 1976. This is much lower than the 6.7 per cent registered in 1975. This increase was mainly due to the increase in the price of soft drinks, beer and other alcoholic beverages, petrol, kerosene, motorcar and bicycle tyres, and medical and pharmaceutical products. Higher electricity tariffs were also imposed by the Sarawak Electricity Supply Corporation (SESCO) from August 1976. In addition, petrol prices were increased in July.*

*The sub-group index for services has also shown a declining trend (See Chart 2). On the average, the costs of services were higher by 3.4 per cent in 1976 compared to 6.5 per cent in 1975. Throughout the year, the costs of services have been stable. Among the service items, the most important is rent, which increased by 2.2 per cent in June 1976. Among the other items, charges for hair cuts and hair grooming, food in restaurants and cafes, and hotel rooms were also higher in 1976.*

*The 4.2 per cent increase registered by the C.P.I. in 1976 was the result of changes in the sub-group indices. The contribution of a change in a sub-group index is dependent on the magnitude of the change and on the size of the weight that has been assigned to the sub-group index. The sub-group indices for food and gross rent, fuel and power contributed substantially to the overall increase in the C.P.I. Food contributed 55.4 per cent and gross rent, fuel and power 24.6 per cent. These are the two indices with the largest weights. Out of the 55.4 per cent contribution made by the food index, the sub-group index for rice, bread and other cereals contributed 16.2 per cent; fish 13.9 per cent; fruits and vegetables 11.3 per cent, and coffee and tea 9.4 per cent. (See Table A and Chart 5).*

*A re-classification of the items into durables, semi-durable and non-durable goods, and services, indicates that the prices of durable and non-durable goods increased by 4.9 and 4.8 per cent respectively in 1976. Service charges were higher by 3.4 per cent while semi-durable goods were dearer by 1.4 per cent.*

Rajah 1 Angkatunjuk Harga Pengguna (Jumlah), 1968 – 1976, dan Purata Bergerak Dua Belas Bulan

*Chart 1 The Consumer Price Index (Total), 1968 – 1976, and Twelve-Month Moving Average*



Rajah 2 Angkatunjuk Harga Pengguna – Jumlah, Makanan, Barang-barang Bukan Makanan dan Perkhidmatan

*Chart 2 The Consumer Price Index – Total, Food, Non-Food Commodities and Services*




Rajah 3 Perubahan dalam Angkatunjuk Harga Pengguna (Jumlah) Dibandingkan dengan Bulan yang sama dalam Tahun Lalu

*Chart 3 Percentage Change in Consumer Prince Index (Total) Against Corresponding Month of Preceding Year*



**Rajah 4 Angkatunjuk Harga Pengguna, Angkatunjuk-Angkatunjuk Kumpulan Kecil Makanan Yang Terpilih**

*Chart 4 The Consumer Price Index, Index Numbers of Selected Sub-Groups of the Food Index*



Jadual A Penyumbangan Terhadap Pertambahan dalam Angkatunjuk Harga Pengguna mengikuti Kumpulan Utama untuk 1975/1976

*Table A Contribution to Increase in the Consumer Price Index by Main Groups for 1975/1976*

| Kumpulan *Group* | Wajar *Weight* *(%)* | 1975/1976 | |
|---|---|---|---|
| | | % Perubahan *% Change* | % Penyumbangan *% Contribution* |
| 0. Makanan *Food* | 41.9 | 4.9 | 55.4 |
| 1. Minuman dan Tembakau *Beverages and Tobacco* | 5.1 | 4.4 | 4.5 |
| 2. Pakaian dan Kasut *Clothing and Footwear* | 3.2 | 0.4 | 0.4 |
| 3. Jumlah Kasar Sewa, Bahan Api dan Kuasa *Gross Rent, Fuel and Power* | 24.6 | 4.9 | 24.6 |
| 4. Perabut, Hiasan Rumah, Perkakas dan Kegiatan Isirumah *Furniture, Furnishing and Household Equipment and Operation* | 3.2 | 2.3 | 1.8 |
| 5. Rawatan Perubatan dan Perbelanjaan Kesihatan *Medical Care and Health Expenses* | 0.9 | 3.5 | 0.7 |
| 6. Pengangkutan dan Perhubungan *Transport and Communication* | 4.6 | 5.0 | 5.9 |
| 7. Permainan, Hiburan, Pelajaran dan Perkhidmatan Kebudayaan *Recreation, Entertainment, Education and Cultural Services* | 8.1 | 0.6 | 1.1 |
| 8. Pelbagai Barang dan Perkhidmatan *Miscellaneous Goods and Services* | 8.4 | 2.8 | 5.6 |
| Jumlah *Total* | 100.0 | 4.2 | 100.0 |

Rajah 5 Penyumbangan Terhadap Pertambahan dalam Angkatunjuk Harga Pengguna Mengikut Kumpulan Utama untuk 1975/1976

*Chart 5 Contribution to Increase in the Consumer Price Index by Main Groups for 1975/1976*



## PENERANGAN RINGKAS MENGENAI ANGKATUNJUK HARGA BARANG-BARANG PENGGUNA

Angkatunjuk Harga Barang-Barang Pengguna yang berasaskan formula Angkatunjuk Laspeyres mengukur perubahan-perubahan di dalam peringkat purata harga-harga sekumpulan barang-barang dan perkhidmatan yang ditetapkan, yang mewakili cara-cara perbelanjaan isirumah biasa di Sarawak dengan menggunakan tahun 1967 sebagai tahun asas. Set wajar-wajar yang digunakan untuk angkatunjuk adalah berasaskan kepada keputusan Penyiasatan Perbelanjaan Keluarga yang telah diadakan pada tahun 1967/68 ditujuh buah pusat di Sarawak. Ketujuh-tujuh buah pusat itu ialah Kuching, Sibu, Miri, Simanggang, Sarikei, Bintulu dan Limbang. Harga-harga bagi lebih kurang 650 perkara digunakan bagi pengiraan itu. Ini diperolehi tiap-tiap bulan daripada lebih kurang 617 tempat-tempat kutipan barang-barang runcit diserata 7 pekan-pekan dalam dan luar bandar.

Angkatunjuk Harga Barang-Barang Pengguna ini mengukur perubahan-perubahan harga daripada tempuh rujukan yang ditetapkan – 1967 – yang menyamai 100. Misalnya kenaikan 20 peratus daripada purata harga 1967, ditunjukkan sebagai 120.0.

## NOTA TENTANG MENGIRA PERUBAHAN-PERUBAHAN ANGKATUNJUK

Pergerakan-pergerakan Angkatunjuk Harga Barang-Barang Pengguna dari satu bulan kesatu bulan yang lain ditunjukkan sebagai perubahan-perubahan peratus dan bukan perubahan mata angkatunjuk (index points) kerana perubahan mata angkatunjuk dipengaruhi oleh taraf angkatunjuk itu yang berkaitan dengan tempuh asasnya sedangkan perubahan peratus tidak. Misalan yang berikut menunjukkan cara pengiraan mata angkatunjuk dan perubahan peratus.

**Perubahan Mata Angkatunjuk**

| | |
|---|---|
| Angkatunjuk Harga Pengguna | 122.5 |
| Tolak Angkatunjuk Terdahulu | 122.2 |
| | 0.3 |

**Perubahan Peratus**

Perbedzaan Angkatunjuk di bahagikan dengan Angkatunjuk tempuh terdahulu:

$$\frac{122.5 - 122.2}{122.2} \times 100 = 0.25\%$$

## WAJAR-WAJAR DALAM ANGKATUNJUK HARGA BARANG-BARANG PENGGUNA, PERATUS

A.

| | | |
|---|---|---|
| 0 | MAKANAN | 41.9 |
| 01 | Beras, roti dan lain-lain biji-bijian | 11.6 |
| 02 | Daging | 7.2 |
| 03 | Ikan | 5.1 |
| 04 | Susu dan telur | 4.7 |
| 05 | Minyak dan lemak | 1.5 |
| 06 | Buah-buahan dan sayur-sayuran | 6.4 |
| 07 | Gula | 1.3 |
| 08 | Kopi dan teh | 2.1 |
| 09 | Lain-lain makanan | 2.0 |
| 1 | MINUMAN DAN TEMBAKAU | 5.1 |
| 2 | PAKAIAN DAN KASUT | 3.2 |
| 3 | JUMLAH KASAR SEWA, BAHAN API DAN KUASA | 24.6 |
| 4 | PERABUT, HIASAN RUMAH, PERKAKAS DAN KEGIATAN ISIRUMAH | 3.2 |
| 5 | RAWATAN PERUBATAN DAN PERBELANJAAN KESIHATAN | 0.9 |
| 6 | PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN | 4.6 |
| 7 | PERMAINAN, HIBURAN, PELAJARAN DAN PERKHIDMATAN KEBUDAYAAN | 8.1 |
| 8 | PELBAGAI BARANG DAN PERKHIDMATAN | 8.4 |
| | | 100.0 |

B.

| | |
|---|---|
| Barang-barang kekal | 1.1 |
| Barang-barang separuh kekal | 6.8 |
| Barang-barang tidak kekal | 58.6 |
| Perkhidmatan | 33.5 |
| | 100.0 |

## BRIEF EXPLANATION OF THE CONSUMER PRICE INDEX

*The Consumer Price Index which is based on the Laspeyres Index formula measures the average changes in prices of a fixed basket of goods and services which represents the expenditure pattern of the average household in Sarawak with 1967 as the base year. The set of weights used in the index is based on the results of the Family Budget Survey carried out in 1967/68 in seven centres in Sarawak. The seven centres were Kuching, Sibu, Miri, Simanggang, Sarikei, Bintulu and Limbang. Prices of about 650 items are used in the computation. These are obtained monthly from approximately 617 retail outlets spread over 7 urban and rural towns.*

*The Consumer Price Index measures price changes from a designated reference period – 1967 – which equals 100. An increase of 20 per cent for example from the average prices of 1967, is shown as 120.0.*

## NOTE ABOUT CALCULATING INDEX CHANGES

*Movements of the Consumer Price Index from one month to another are expressed as percentage changes rather than changes in index points because 'index point' changes are affected by the level of the index in relation to its base period while percentage changes are not. The following example illustrates the computation of index point and percentage changes.*

*Index Point Change*

| | |
|---|---|
| Consumer Price Index | 122.5 |
| Less Previous Index | 122.2 |
| | 0.3 |

*Percentage Change*

*Index point difference divided by index for the previous period:*

$$\frac{122.5 - 122.2}{122.2} \times 100 = 0.25\%$$

## THE WEIGHTS IN THE CONSUMER PRICE INDEX, PER CENT

A.

| | | |
|---|---|---|
| 0 | FOOD | 41.9 |
| 01 | Rice, bread and other cereals | 11.6 |
| 02 | Meat | 7.2 |
| 03 | Fish | 5.1 |
| 04 | Milk and eggs | 4.7 |
| 05 | Oils and fats | 1.5 |
| 06 | Fruits and vegetables | 6.4 |
| 07 | Sugar | 1.3 |
| 08 | Coffee and tea | 2.1 |
| 09 | Other foods | 2.0 |
| 1 | BEVERAGES AND TOBACCO | 5.1 |
| 2 | CLOTHING AND FOOTWEAR | 3.2 |
| 3 | GROSS RENT, FUEL AND POWER | 24.6 |
| 4 | FURNITURE, FURNISHINGS AND HOUSEHOLD EQUIPMENT AND OPERATION | 3.2 |
| 5 | MEDICAL CARE AND HEALTH EXPENSES | 0.9 |
| 6 | TRANSPORT AND COMMUNICATION | 4.6 |
| 7 | RECREATION, ENTERTAINMENT, EDUCATION AND CULTURAL SERVICES | 8.1 |
| 8 | MISCELLANEOUS GOODS AND SERVICES | 8.4 |
| | | 100.0 |

B.

| | |
|---|---|
| Durable goods | 1.1 |
| Semi-durable goods | 6.8 |
| Non-durable goods | 58.6 |
| Services | 33.5 |
| | 100.0 |

## JADUAL 1 – ANGKATUNJUK HARGA BARANG-BARANG PENGGUNA UNTUK SARAWAK (1967 = 100)

*Table 1 – The Consumer Price Index for Sarawak (1967 = 100)*

(i) Angkatunjuk-Angkatunjuk Kumpulan Utama: Okt., Nov., Dis., 1975; Okt., Nov., Dis., 1976
*Index Numbers for Main Groups:*

(ii) Perubahan Peratus: Nov., 1976 - Dis., 1976; Dis., 1975 - Dis., 1976.
*Percentage Change:*

| | | Okt. 1975 | Nov. 1975 | Dis. 1975 | Okt. 1976 | Nov. 1976 | Dis. 1976 | Perubahan Peratus *Percentage Change* Nov., 1976- Dis., 1976 | Dis., 1975- Dis., 1976 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jumlah *Total* | 135.0 | 135.6 | 136.2 | 140.1 | 140.9 | 141.8 | 0.6 | 4.1 |
| 0 | Makanan *Food* | 152.5 | 154.0 | 155.1 | 158.4 | 159.3 | 161.4 | 1.3 | 4.1 |
| 1 | Minuman dan tembakau *Beverages and tobacco* | 117.1 | 117.2 | 117.2 | 117.9 | 120.9 | 121.1 | 0.2 | 3.3 |
| 2 | Pakaian dan kasut *Clothing and footwear* | 132.9 | 133.0 | 133.0 | 135.0 | 135.3 | 135.2 | -0.1 | 1.7 |
| 3 | Jumlah kasar sewa, bahan api dan kuasa *Gross rent, fuel and power* | 115.5 | 115.5 | 115.5 | 121.0 | 121.0 | 121.0 | - | 4.8 |
| 4 | Perabut, hiasan rumah, perkakas dan kegiatan isirumah *Furniture, furnishings and household equipment and operation* | 138.5 | 138.8 | 139.1 | 140.9 | 141.1 | 141.5 | 0.3 | 1.7 |
| 5 | Rawatan perubatan dan perbelanjaan kesihatan *Medical care and health expenses* | 120.7 | 120.8 | 120.8 | 124.9 | 125.1 | 125.6 | 0.4 | 4.0 |
| 6 | Pengangkutan dan perhubungan *Transport and communication* | 143.7 | 143.7 | 143.8 | 156.8 | 157.0 | 157.1 | 0.1 | 9.2 |
| 7 | Permainan, hiburan, pelajaran dan perkhidmatan kebudayaan *Recreation, entertainment, education and cultural services* | 115.1 | 115.1 | 115.2 | 115.7 | 115.7 | 115.7 | - | 0.4 |
| 8 | Pelbagai barang dan perkhidmatan *Miscellaneous goods and services* | 131.0 | 131.0 | 131.2 | 134.9 | 137.9 | 138.0 | 0.1 | 5.2 |

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Barang-barang kekal *Durable goods* | 132.8 | 133.0 | 133.6 | 141.7 | 143.1 | 143.6 | 0.3 | 7.5 |
| Barang-barang separuh kekal *Semi-durable goods* | 139.3 | 139.3 | 139.6 | 141.8 | 142.1 | 142.2 | 0.1 | 1.9 |
| Barang-barang tidak kekal *Non-durable goods* | 145.7 | 146.8 | 147.6 | 151.8 | 152.7 | 154.2 | 1.0 | 4.5 |
| Perkhidmatan *Services* | 115.6 | 115.6 | 115.6 | 119.2 | 119.9 | 120.0 | 0.1 | 3.8 |

JADUAL 2 – ANGKATUNJUK HARGA BARANG-BARANG PENGGUNA UNTUK SARAWAK (1967 = 100)

*Table 2 – The Consumer Price Index for Sarawak (1967 = 100)*

(i) Angkatunjuk-Angkatunjuk Kumpulan-kecil Makanan: Okt., Nov., Dis., 1975; Okt., Nov., Dis., 1976
*Index Numbers for Sub-groups of Food Index:*

(ii) Perubahan Peratus: Nov., 1976 – Dis., 1976; Dis., 1975 – Dis., 1976
*Percentage Change:*

| | Okt. 1975 | Nov. 1975 | Dis. 1975 | Okt. 1976 | Nov. 1976 | Dis. 1976 | Perubahan Peratus *Percentage Change* Nov., 1976–Dis., 1976 | Dis., 1975–Dis., 1976 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 0 Jumlah makanan *Total food* | 152.5 | 154.0 | 155.1 | 158.4 | 159.3 | 161.4 | 1.3 | 4.1 |
| 01 Beras, roti dan lain-lain biji-bijian *Rice, bread and other cereals* | 154.9 | 157.6 | 160.3 | 159.4 | 158.6 | 158.6 | - | -1.1 |
| 02 Daging *Meat* | 133.9 | 133.4 | 133.6 | 137.0 | 136.8 | 136.9 | 0.1 | 2.5 |
| 03 Ikan *Fish* | 180.0 | 185.0 | 185.5 | 199.1 | 204.6 | 208.9 | 2.1 | 12.6 |
| 04 Susu dan telur *Milk and eggs* | 144.7 | 143.7 | 142.4 | 139.9 | 137.6 | 137.6 | - | -3.4 |
| 05 Minyak dan lemak *Oils and fats* | 137.8 | 138.8 | 139.3 | 141.3 | 142.4 | 142.4 | - | 2.2 |
| 06 Buah-buahan dan sayur-sayuran *Fruits and vegetables* | 146.3 | 148.0 | 150.4 | 149.7 | 149.5 | 155.2 | 3.8 | 3.2 |
| 07 Gula *Sugar* | 288.0 | 288.1 | 288.4 | 289.9 | 289.7 | 290.4 | 0.2 | 0.7 |
| 08 Kopi dan teh *Coffee and tea* | 117.4 | 117.8 | 118.6 | 149.4 | 162.6 | 177.0 | 8.9 | 49.2 |
| 09 Lain-lain makanan *Other foods* | 133.4 | 133.9 | 133.8 | 134.6 | 134.9 | 134.7 | -0.1 | 0.7 |

## JADUAL 3 – ANGKATUNJUK HARGA BARANG-BARANG PENGGUNA UNTUK SARAWAK (1967 = 100)

*Table 3 – The Consumer Price Index for Sarawak (1967 = 100)*

(i) Purata Angkatunjuk-Angkatunjuk Kumpulan Utama bagi Tempuh : Jan.- Dis., 1975; Jan.- Dis., 1976
*Average Index Numbers for Main Groups for the Period :*

(ii) Perubahan Peratus untuk Purata Angkatunjuk-Angkatunjuk diantara Tempuh Jan.- Dis.,1975; Jan.-Dis.,1976
*Percentage Change for the Average Index Numbers between the Period :*

| | Jan.- Dis. 1975 | Jan.- Dis. 1976 | Perubahan Peratus *Percentage Change* |
|---|---|---|---|
| Jumlah *Total* | 133.1 | 138.7 | 4.2 |
| 0 Makanan *Food* | 150.0 | 157.4 | 4.9 |
| 1 Minuman dan tembakau *Beverages and tobacco* | 113.1 | 118.1 | 4.4 |
| 2 Pakaian dan kasut *Clothing and footwear* | 133.4 | 134.0 | 0.4 |
| 3 Jumlah kasar sewa, bahan api dan kuasa *Gross rent, fuel and power* | 113.4 | 118.9 | 4.9 |
| 4 Perabut, hiasan rumah, perkakas dan kegiatan isirumah *Furniture, furnishings and household equipment and operation* | 137.2 | 140.3 | 2.3 |
| 5 Rawatan perubatan dan perbelanjaan kesihatan *Medical care and health expenses* | 119.4 | 123.6 | 3.5 |
| 6 Pengangkutan dan perhubungan *Transport and communication* | 143.4 | 150.6 | 5.0 |
| 7 Permainan, hiburan, pelajaran dan perkhidmatan kebudayaan *Recreation, entertainment, education and cultural services* | 115.0 | 115.7 | 0.6 |
| 8 Pelbagai barang dan perkhidmatan *Miscellaneous goods and services* | 130.1 | 133.8 | 2.8 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Barang-barang kekal *Durable goods* | 132.3 | 138.8 | 4.9 |
| Barang-barang separuh kekal *Semi-durable goods* | 139.0 | 141.0 | 1.4 |
| Barang-barang tidak kekal *Non-durable goods* | 143.2 | 150.1 | 4.8 |
| Perkhidmatan *Services* | 114.3 | 118.2 | 3.4 |

**JADUAL 4 – ANGKATUNJUK HARGA BARANG-BARANG PENGGUNA UNTUK SARAWAK (1967 = 100)**

*Table 4 – The Consumer Price Index for Sarawak (1967 = 100)*

(i) Purata Angkatunjuk-Angkatunjuk Kumpulan-kecil Makanan bagi Tempuh : Jan.- Dis.,1975; Jan.-Dis., 1976
*Average Index Numbers for Sub-groups of Food Index for the Period :*

(ii) Perubahan Peratus untuk Purata Angkatunjuk-Angkatunjuk diantara Tempuh : Jan.-Dis.m1975; Jan.-Dis., 1976
*Percentage Change for the Average Index Numbers between the Period :*

| | | Jan.- Dis. 1975 | Jan.- Dis. 1976 | Perubahan Peratus *Percentage Change* |
|---|---|---|---|---|
| 0 | Jumlah makanan *Total food* | 150.0 | 157.4 | 4.9 |
| 01 | Beras, roti dan lain-lain biji-bijian *Rice, bread and other cereals* | 152.2 | 159.8 | 5.0 |
| 02 | Daging *Meat* | 135.0 | 135.8 | 0.6 |
| 03 | Ikan *Fish* | 173.7 | 188.7 | 8.6 |
| 04 | Susu dan telur *Milk and eggs* | 139.6 | 138.8 | -0.6 |
| 05 | Minyak dan lemak *Oils and fats* | 139.5 | 140.3 | 0.6 |
| 06 | Buah-buahan dan sayur-sayuran *Fruits and vegetables* | 145.9 | 155.8 | 6.8 |
| 07 | Gula *Sugar* | 275.0 | 289.3 | 5.2 |
| 08 | Kopi dan teh *Co fee and tea* | 115.9 | 140.6 | 21.3 |
| 09 | Lain-lain makanan *Other foods* | 131.8 | 134.4 | 2.0 |

**JADUAL 5 – ANGKATUNJUK HARGA BARANG-BARANG PENGGUNA (1967 = 100), ANGKATUNJUK-ANGKATUNJUK KUMPULAN UTAMA[1]**

*Table 5 – The Consumer Price Index (1967 = 100), Index Numbers for Main Groups[1]*

| Tempuh *Period* | Jumlah *Total* | Makanan *Food* | Minuman dan tembakau *Beverages and tobacco* | Pakaian dan kasut *Clothing and footwear* | Jumlah kasar sewa, bahan api dan kuasa *Gross rent, fuel and power* | Perabut, hiasan rumah, perkakas dan kegiatan isirumah *Furniture, furnishings and household equipment and operation* | Rawatan perubatan dan perbelanjaan kesihatan *Medical care and health expenses* | Pengangkutan dan perhubungan *Transport and communication* | Permainan, hiburan, pelajaran dan perkhidmatan kebudayaan *Recreation, entertainment, education and cultural services* | Pelbagai barang dan perkhidmatan *Miscellaneous goods and services* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| WAJAR: Weight: | 100.0 | 41.9 | 5.1 | 3.2 | 24.6 | 3.2 | 0.9 | 4.6 | 8.1 | 8.4 |
| 1968 | 99.1 | 98.2 | 97.7 | 101.3 | 99.3 | 100.7 | 100.4 | 100.8 | 99.9 | 100.9 |
| 1969 | 98.4 | 97.2 | 91.2 | 101.9 | 98.8 | 101.1 | 100.5 | 100.5 | 102.0 | 100.6 |
| 1970 | 99.3 | 98.3 | 91.0 | 101.2 | 99.5 | 101.6 | 101.1 | 101.6 | 103.6 | 101.0 |
| 1971 | 98.7 | 96.7 | 90.8 | 101.0 | 99.1 | 97.3 | 101.9 | 107.1 | 104.0 | 101.7 |
| 1972 | 102.2 | 101.6 | 96.4 | 104.6 | 101.5 | 99.2 | 102.0 | 109.1 | 106.9 | 102.3 |
| 1973 | 110.4 | 117.0 | 96.4 | 122.1 | 101.7 | 106.0 | 114.7 | 112.9 | 110.1 | 108.8 |
| 1974 | 126.2 | 143.9 | 103.3 | 134.8 | 105.1 | 124.0 | 111.4 | 132.9 | 114.1 | 120.9 |
| 1975 | 133.1 | 150.0 | 113.1 | 133.4 | 113.4 | 137.2 | 119.4 | 143.4 | 115.0 | 130.1 |
| 1976 | 138.7 | 157.4 | 118.1 | 134.0 | 118.9 | 140.3 | 123.6 | 150.6 | 115.7 | 133.8 |
| 1974 Jan. | 118.9 | 130.8 | 97.5 | 133.5 | 102.2 | 114.1 | 108.8 | 128.9 | 113.5 | 117.8 |
| Feb. | 121.1 | 136.2 | 97.5 | 134.4 | 102.6 | 114.9 | 108.8 | 129.2 | 113.4 | 115.3 |
| Mac. | 124.4 | 143.7 | 97.6 | 134.4 | 102.8 | 116.3 | 109.8 | 129.6 | 113.4 | 115.7 |
| Apr. | 125.6 | 145.5 | 98.8 | 135.0 | 102.8 | 121.3 | 110.3 | 130.2 | 113.7 | 118.5 |
| Mei | 125.0 | 143.1 | 98.8 | 135.5 | 103.0 | 123.7 | 111.0 | 131.3 | 113.9 | 120.4 |
| Jun | 125.5 | 142.9 | 106.2 | 135.5 | 103.3 | 124.1 | 111.0 | 131.9 | 113.9 | 121.2 |
| Jul. | 127.1 | 144.4 | 106.8 | 135.5 | 106.5 | 125.3 | 112.0 | 132.0 | 114.0 | 122.4 |
| Ogos | 127.5 | 144.9 | 106.8 | 134.4 | 107.0 | 125.9 | 112.2 | 132.0 | 114.5 | 122.8 |
| Sept. | 127.6 | 145.1 | 106.8 | 135.5 | 106.9 | 126.1 | 112.8 | 132.0 | 114.6 | 122.9 |
| Okt. | 129.4 | 148.9 | 107.2 | 134.8 | 107.0 | 128.5 | 112.7 | 132.3 | 114.7 | 123.9 |
| Nov. | 130.5 | 149.3 | 107.1 | 135.0 | 107.9 | 133.6 | 113.2 | 142.5 | 114.8 | 124.3 |
| Dis. | 131.4 | 150.8 | 109.0 | 134.1 | 108.0 | 134.6 | 114.1 | 142.5 | 114.9 | 125.8 |
| 1975 Jan. | 132.1 | 150.3 | 109.7 | 134.9 | 110.9 | 135.2 | 114.9 | 142.7 | 114.9 | 126.8 |
| Feb. | 131.8 | 149.1 | 110.1 | 134.6 | 110.9 | 135.6 | 118.6 | 143.5 | 114.9 | 128.1 |
| Mac. | 131.9 | 149.3 | 110.2 | 133.7 | 110.8 | 135.7 | 118.9 | 143.5 | 114.9 | 129.6 |
| Apr. | 131.1 | 147.2 | 110.3 | 133.7 | 110.8 | 136.8 | 119.0 | 143.2 | 114.9 | 130.2 |
| Mei | 131.0 | 146.7 | 110.4 | 133.5 | 110.9 | 136.8 | 119.3 | 143.4 | 114.9 | 130.3 |
| Jun | 132.3 | 147.9 | 110.5 | 132.7 | 114.2 | 137.1 | 119.8 | 143.4 | 114.9 | 130.5 |
| Jul. | 132.4 | 148.1 | 110.5 | 132.8 | 114.3 | 137.3 | 119.8 | 143.4 | 114.9 | 130.7 |
| Ogos | 133.6 | 149.4 | 117.0 | 133.0 | 115.5 | 137.6 | 120.2 | 143.5 | 115.0 | 130.8 |
| Sept. | 134.2 | 150.7 | 117.1 | 133.3 | 115.5 | 137.9 | 120.6 | 143.5 | 115.0 | 131.0 |
| Okt. | 135.0 | 152.5 | 117.1 | 132.9 | 115.5 | 138.5 | 120.7 | 143.7 | 115.1 | 131.0 |
| Nov. | 135.6 | 154.0 | 117.2 | 133.0 | 115.5 | 138.8 | 120.8 | 143.7 | 115.1 | 131.0 |
| Dis. | 136.2 | 155.1 | 117.2 | 133.0 | 115.5 | 139.1 | 120.8 | 143.8 | 115.2 | 131.2 |
| 1976 Jan. | 138.0 | 158.6 | 117.2 | 132.8 | 116.8 | 139.5 | 121.3 | 143.9 | 115.2 | 131.3 |
| Feb. | 138.6 | 160.0 | 117.3 | 132.9 | 116.8 | 139.9 | 121.4 | 143.9 | 115.6 | 131.5 |
| Mac. | 137.5 | 157.4 | 117.3 | 132.8 | 116.8 | 139.7 | 121.6 | 143.9 | 115.8 | 131.4 |
| Apr. | 136.4 | 154.7 | 117.2 | 133.4 | 116.8 | 139.5 | 121.7 | 144.1 | 115.8 | 131.4 |
| Mei | 136.7 | 154.9 | 117.4 | 133.3 | 116.7 | 139.7 | 123.4 | 145.3 | 115.8 | 133.0 |
| Jun | 137.4 | 155.2 | 117.4 | 133.6 | 118.8 | 140.1 | 124.1 | 145.7 | 115.8 | 133.4 |
| Jul. | 138.1 | 155.2 | 117.8 | 134.9 | 119.0 | 140.2 | 124.4 | 156.3 | 115.8 | 133.6 |
| Ogos | 138.8 | 155.7 | 117.8 | 133.9 | 121.0 | 140.5 | 124.6 | 156.4 | 115.8 | 134.2 |
| Sept. | 139.7 | 157.7 | 117.8 | 134.8 | 121.0 | 140.8 | 124.7 | 156.4 | 115.8 | 134.7 |
| Okt. | 140.1 | 158.4 | 117.9 | 135.0 | 121.0 | 140.9 | 124.9 | 156.8 | 115.7 | 134.9 |
| Nov. | 140.9 | 159.3 | 120.9 | 135.3 | 121.0 | 141.1 | 125.1 | 157.0 | 115.7 | 137.9 |
| Dis. | 141.8 | 161.4 | 121.1 | 135.2 | 121.0 | 141.5 | 125.6 | 157.1 | 115.7 | 138.0 |

(1) Untuk butir-butir selanjutnya mengenai angkatunjuk harga barang-barang pengguna, sila rujuk kepada penerbitan "Angkatunjuk Harga Barang-Barang Pengguna, untuk Sarawak."

*For further details on the consumer price index, please refer to the publication "Consumer Price Index, for Sarawak."*

**JADUAL 6 – ANGKATUNJUK HARGA BARANG-BARANG PENGGUNA (1967 = 100), ANGKATUNJUK-ANGKATUNJUK KUMPULAN-KECIL MAKANAN**

*Table 6 – The Consumer Price Index (1967 = 100), Index Numbers for Sub-groups of Food Index*

| Tempuh *Period* | | Jumlah *Total* | Beras, roti dan lain-lain biji-bijian *Rice, bread and other cereals* | Daging *Meat* | Ikan *Fish* | Susu dan telur *Milk and eggs* | Minyak dan lemak *Oils and fats* | Buah-buahan dan sayur-sayuran *Fruits and vegetables* | Gula *Sugar* | Kopi dan teh *Coffee and tea* | Lain-lain makanan *Other foods* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| WAJAR: Weight: | | 41.9 | 11.6 | 7.2 | 5.1 | 4.7 | 1.5 | 6.4 | 1.3 | 2.1 | 2.0 |
| 1968 | | 98.2 | 95.7 | 101.3 | 93.6 | 98.5 | 102.6 | 100.9 | 102.3 | 96.5 | 100.7 |
| 1969 | | 97.2 | 88.7 | 98.5 | 98.3 | 98.6 | 101.1 | 103.5 | 114.3 | 97.0 | 102.1 |
| 1970 | | 98.3 | 84.7 | 97.5 | 105.7 | 97.3 | 104.6 | 109.5 | 127.2 | 97.7 | 105.7 |
| 1971 | | 96.7 | 77.3 | 93.6 | 107.8 | 97.4 | 107.0 | 107.0 | 157.1 | 100.3 | 108.6 |
| 1972 | | 101.6 | 83.4 | 97.5 | 109.7 | 103.2 | 103.5 | 107.7 | 200.0 | 105.0 | 110.2 |
| 1973 | | 117.0 | 112.2 | 113.2 | 129.0 | 108.8 | 102.0 | 118.4 | 198.9 | 106.3 | 112.0 |
| 1974 | | 143.8 | 151.0 | 136.1 | 159.8 | 123.5 | 132.3 | 145.2 | 226.9 | 110.3 | 121.6 |
| 1975 | | 150.0 | 152.2 | 135.0 | 173.7 | 139.6 | 139.5 | 145.9 | 275.0 | 115.9 | 131.8 |
| 1976 | | 157.4 | 159.8 | 135.8 | 188.7 | 138.8 | 140.3 | 155.8 | 289.3 | 140.6 | 134.4 |
| 1974 | Jan. | 130.8 | 129.5 | 126.5 | 134.5 | 124.5 | 113.8 | 142.1 | 205.3 | 107.4 | 113.4 |
| | Feb. | 136.2 | 131.6 | 129.5 | 160.0 | 122.5 | 120.1 | 145.7 | 222.5 | 108.1 | 113.0 |
| | Mac | 143.7 | 152.2 | 133.7 | 147.4 | 118.7 | 129.6 | 162.5 | 222.5 | 108.2 | 116.0 |
| | Apr. | 145.5 | 163.6 | 136.6 | 153.7 | 117.4 | 135.9 | 143.8 | 222.6 | 108.5 | 118.6 |
| | Mei | 143.1 | 157.5 | 136.3 | 150.6 | 116.1 | 134.6 | 142.2 | 222.6 | 109.4 | 120.2 |
| | Jun | 142.9 | 155.4 | 136.6 | 155.0 | 117.7 | 135.4 | 139.1 | 222.8 | 109.5 | 122.0 |
| | Jul. | 144.4 | 155.4 | 137.9 | 158.7 | 120.0 | 135.9 | 142.4 | 223.6 | 110.3 | 122.5 |
| | Ogos | 144.9 | 155.2 | 138.7 | 164.1 | 122.5 | 136.0 | 138.4 | 223.7 | 110.7 | 123.6 |
| | Sept. | 145.1 | 150.9 | 140.1 | 165.9 | 126.2 | 135.1 | 140.9 | 225.0 | 111.4 | 125.9 |
| | Okt. | 148.9 | 154.4 | 140.3 | 172.3 | 131.4 | 136.7 | 148.4 | 227.7 | 111.9 | 126.7 |
| | Nov. | 149.3 | 153.6 | 139.3 | 174.5 | 128.8 | 137.1 | 148.5 | 249.8 | 113.8 | 127.6 |
| | Dis. | 150.8 | 152.5 | 138.2 | 181.1 | 136.7 | 136.8 | 149.0 | 254.5 | 114.0 | 129.6 |
| 1975 | Jan. | 150.3 | 151.2 | 138.4 | 182.3 | 138.3 | 138.2 | 145.1 | 256.2 | 114.2 | 129.8 |
| | Feb. | 149.1 | 150.9 | 138.1 | 175.0 | 138.1 | 139.0 | 143.5 | 257.3 | 114.4 | 130.2 |
| | Mac | 149.3 | 150.2 | 137.4 | 170.3 | 141.3 | 140.1 | 147.9 | 256.3 | 114.8 | 130.2 |
| | Apr. | 147.2 | 148.4 | 134.6 | 163.3 | 136.2 | 141.3 | 149.0 | 259.7 | 115.0 | 130.3 |
| | Mei | 146.7 | 148.0 | 133.2 | 163.8 | 137.0 | 140.6 | 146.5 | 262.4 | 114.8 | 130.6 |
| | Jun | 147.9 | 148.0 | 134.8 | 166.7 | 136.8 | 140.1 | 145.6 | 285.4 | 115.1 | 131.8 |
| | Jul. | 148.1 | 149.5 | 134.5 | 169.1 | 137.0 | 139.6 | 142.8 | 284.1 | 115.4 | 132.3 |
| | Ogos | 149.4 | 153.5 | 134.2 | 170.5 | 136.6 | 139.4 | 142.3 | 286.3 | 116.6 | 132.4 |
| | Sept. | 150.7 | 153.4 | 134.1 | 173.4 | 143.6 | 139.2 | 143.1 | 288.0 | 117.1 | 132.9 |
| | Okt. | 152.5 | 154.9 | 133.9 | 180.0 | 144.7 | 137.8 | 146.3 | 288.0 | 117.4 | 133.4 |
| | Nov. | 154.0 | 157.6 | 133.4 | 185.0 | 143.7 | 138.8 | 148.0 | 288.1 | 117.8 | 133.9 |
| | Dis. | 155.1 | 160.3 | 133.6 | 185.5 | 142.4 | 139.3 | 150.4 | 288.4 | 118.6 | 133.8 |
| 1976 | Jan. | 158.6 | 162.2 | 134.1 | 190.8 | 143.7 | 139.3 | 164.3 | 288.6 | 118.0 | 134.4 |
| | Feb. | 160.0 | 164.1 | 134.3 | 195.4 | 141.1 | 139.3 | 167.4 | 288.5 | 119.1 | 134.4 |
| | Mac | 157.4 | 160.7 | 134.1 | 187.8 | 138.0 | 139.7 | 164.3 | 288.4 | 120.5 | 134.6 |
| | Apr. | 154.7 | 159.1 | 134.5 | 176.3 | 136.1 | 139.6 | 158.3 | 288.9 | 125.2 | 134.4 |
| | Mei | 154.9 | 159.1 | 135.6 | 178.6 | 135.0 | 139.3 | 154.1 | 288.7 | 134.6 | 134.1 |
| | Jun | 155.2 | 159.0 | 136.6 | 175.9 | 137.5 | 138.7 | 152.9 | 289.5 | 143.3 | 134.0 |
| | Jul. | 155.2 | 159.0 | 136.9 | 177.9 | 137.9 | 140.0 | 150.0 | 289.0 | 145.1 | 134.1 |
| | Ogos | 155.7 | 159.1 | 136.9 | 178.7 | 139.0 | 140.5 | 150.8 | 290.3 | 146.1 | 134.3 |
| | Sept. | 157.7 | 159.2 | 136.2 | 190.6 | 141.9 | 140.8 | 152.8 | 289.9 | 146.5 | 134.4 |
| | Okt. | 158.4 | 159.4 | 137.0 | 199.1 | 139.9 | 141.3 | 149.7 | 289.9 | 149.4 | 134.6 |
| | Nov. | 159.3 | 158.6 | 136.8 | 204.6 | 137.6 | 142.4 | 149.5 | 289.7 | 162.6 | 134.9 |
| | Dis. | 161.4 | 158.6 | 136.9 | 208.9 | 137.6 | 142.4 | 155.2 | 290.4 | 177.0 | 134.7 |

## JADUAL 7 – ANGKATUNJUK HARGA BARANG-BARANG PENGGUNA (1967 = 100), ANGKATUNJUK-ANGKATUNJUK BARANG-BARANG YANG KEKAL, SEPARUH KEKAL, TIDAK KEKAL DAN PERKHIDMATAN

*Table 7 – The Consumer Price Index (1967 = 100), Index Numbers for Durable, Semi-durable and Non-durable Goods and Services*

| Tempuh *Period* | Jumlah *Total* | Barang-barang kekal *Durable goods* | Barang-barang separuh kekal *Semi-durable goods* | Barang-barang tidak kekal *Non-durable goods* | Perkhidmatan *Services* |
|---|---|---|---|---|---|
| WAJAR: Weight: | 100.0 | 1.1 | 6.8 | 58.6 | 33.5 |
| 1968 | 99.1 | 102.3 | 102.3 | 98.5 | 99.5 |
| 1969 | 98.4 | 102.8 | 103.3 | 97.3 | 99.2 |
| 1970 | 99.3 | 108.7 | 104.2 | 98.2 | 99.8 |
| 1971 | 98.7 | 109.5 | 105.1 | 97.3 | 99.6 |
| 1972 | 102.2 | 115.0 | 108.3 | 101.4 | 101.8 |
| 1973 | 110.4 | 118.4 | 120.8 | 113.0 | 103.5 |
| 1974 | 126.2 | 125.9 | 135.8 | 135.8 | 107.3 |
| 1975 | 133.1 | 132.3 | 139.1 | 143.2 | 114.3 |
| 1976 | 138.7 | 138.8 | 141.0 | 150.1 | 118.2 |
| 1974 Jan. | 118.9 | 121.4 | 131.1 | 124.9 | 105.7 |
| Feb. | 121.1 | 122.2 | 131.9 | 128.9 | 105.1 |
| Mac. | 124.4 | 123.0 | 132.5 | 134.4 | 105.2 |
| Apr. | 125.6 | 124.5 | 134.2 | 136.1 | 105.7 |
| Mei | 125.0 | 125.4 | 136.1 | 134.6 | 105.9 |
| Jun | 125.5 | 125.5 | 136.5 | 135.3 | 106.1 |
| Jul. | 127.1 | 126.4 | 137.6 | 136.4 | 108.8 |
| Ogos | 127.5 | 127.5 | 137.3 | 137.0 | 108.9 |
| Sept. | 127.6 | 127.7 | 138.0 | 137.2 | 108.9 |
| Okt. | 129.4 | 128.5 | 138.0 | 140.0 | 109.1 |
| Nov. | 130.5 | 129.1 | 138.5 | 141.8 | 109.2 |
| Dis. | 131.4 | 129.3 | 138.5 | 143.1 | 109.5 |
| 1975 Jan. | 132.1 | 129.3 | 138.9 | 142.8 | 111.9 |
| Feb. | 131.8 | 132.8 | 139.0 | 142.1 | 112.3 |
| Mac. | 131.9 | 132.9 | 138.8 | 142.2 | 112.6 |
| Apr. | 131.1 | 131.4 | 138.8 | 140.7 | 112.9 |
| Mei | 131.0 | 132.2 | 138.9 | 140.4 | 112.9 |
| Jun | 132.3 | 132.1 | 138.6 | 141.2 | 115.4 |
| Jul. | 132.4 | 132.3 | 138.9 | 141.4 | 115.5 |
| Ogos | 133.6 | 132.8 | 139.1 | 143.4 | 115.5 |
| Sept. | 134.2 | 132.8 | 139.4 | 144.3 | 115.5 |
| Okt. | 135.0 | 132.8 | 139.3 | 145.7 | 115.6 |
| Nov. | 135.6 | 133.0 | 139.3 | 146.8 | 115.6 |
| Dis. | 136.2 | 133.6 | 139.6 | 147.6 | 115.6 |
| 1976 Jan. | 138.0 | 133.8 | 139.5 | 150.1 | 116.6 |
| Feb. | 138.6 | 134.3 | 139.8 | 151.1 | 116.7 |
| Mac | 137.5 | 134.4 | 140.2 | 149.2 | 116.7 |
| Apr. | 136.4 | 134.4 | 140.6 | 147.3 | 116.7 |
| Mei | 136.7 | 139.3 | 140.8 | 147.4 | 117.1 |
| Jun | 137.4 | 139.4 | 140.9 | 147.7 | 118.8 |
| Jul. | 138.1 | 140.3 | 141.4 | 148.6 | 118.9 |
| Ogos | 138.8 | 140.3 | 141.0 | 149.8 | 119.1 |
| Sept. | 139.7 | 140.4 | 141.7 | 151.2 | 119.2 |
| Okt. | 140.1 | 141.7 | 141.8 | 151.8 | 119.2 |
| Nov. | 140.9 | 143.1 | 142.1 | 152.7 | 119.9 |
| Dis. | 141.8 | 143.6 | 142.2 | 154.2 | 120.0 |